

PM mahu belia bentuk keperibadian bangsa

BH 15 AUG 1986

KUALA LUMPUR, Khamis — Belia perlu berusaha membentuk satu keperibadian bangsa Malaysia yang kukuh bagi menghadapi segala cabaran dalam pembangunan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka juga perlu mempunyai semangat yang kental serta tidak mudah terpengaruh dengan khabar-khabar angin yang disebarkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

Berucap merasmikan Hari Belia dan Bulan Budaya Negara di Stadium Raja Muda di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata sikap tolak ansur dan semangat kerjasama antara belia pelbagai kaum di negara ini harus dipupuk bagi mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu dan kukuh.

"Belia juga perlu mempunyai persediaan yang cukup untuk mengambil alih tugas mentadbir dan memajukan negara," katanya di perhimpunan yang dihadiri oleh kira-kira 15,000 belia daripada pel-

bagai pertubuhan di seluruh negara.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Malaysia mempunyai dua ciri — negara berbilang kaum dan negara membangun — yang perlu diberi perhatian oleh belia.

Katanya, hakikat ini perlu disadari jika belia ingin mewarisi pemerintahan negara ini.

Perdana Menteri berpendapat, faktor pelbagai kaum, selain daripada boleh menjadi punca kelemahan, boleh juga menjadi tenaga dan kekuatan untuk memajukan negara.

"Kerjasama antara pelbagai kaum itu dapat digunakan untuk membangunkan negara di pelbagai bidang," katanya.

Menurutnya, segala kebolehan yang ada di kalangan pelbagai kaum dapat digunakan untuk membentuk satu peribadi yang kuat bagi menghadapi segala cabaran pembangunan negara.

Beliau berpendapat, melalui pergerakan belia kaum-kaum yang ada di negara ini dapat bekerjasama untuk menjayakan pelbagai projek pembangunan bagi

faedah rakyat dan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir masih kurang puas hati dengan penyer-taan belia daripada semua kaum dalam pertubuhan-pertubuhan belia.

Katanya, belia harus mempelajari budaya kaum-kaum lain di negara ini supaya mereka dapat memupuk semangat tolak ansur dan kerjasama.

"Kalau kita sanggup mengadakan persefahaman serta mempunyai sikap tolak ansur saya yakin kerjasama antara kaum dapat diwujudkan di peringkat awal lagi," katanya.

Beliau yakin jika keadaan ini menjadi amalan, generasi akan datang akan hidup dalam harmoni dan aman damai.

"Ini sudah tentu dapat meringankan perselisihan dan ketegangan dalam masyarakat," katanya.

Perdana Menteri sukacita kerana dalam pilihanraya umum yang lalu rakyat menolak golongan yang meniupkan semangat perkauman, sebaliknya menyokong Barisan Nasional.